

DASAR KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN SIRIM



PERNYATAAN DASAR:

Kami komited untuk memastikan operasi fungsi perniagaan kritikal dilaksanakan secara berterusan dan tidak terganggu apabila berhadapan dengan kejadian atau bencana luar jangka. Kami percaya bahawa penyediaan pendekatan yang berstruktur dan proaktif bagi menangani gangguan adalah penting untuk melindungi kelangsungan organisasi dalam jangka masa panjang.

OBJEKTIF DASAR:

1. Menenal pasti dan menilai kemungkinan risiko, ancaman dan kerentanan yang berkemungkinan boleh mengganggu operasi dan kesinambungan perniagaan;
2. Mematuhi keperluan undang-undang, peraturan dan standard industri yang berkaitan dengan kesinambungan perniagaan dan pemulihan daripada bencana; dan
3. Meningkatkan reputasi SIRIM dan membina kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan dengan menunjukkan kesediaan dan daya tahan sekiranya berlakunya gangguan.

SKOP DASAR:

Dasar ini terpakai dalam semua aspek, proses, aktiviti dan fungsi SIRIM.

KOMITMEN KAMI:

1. Penilaian dan Pengurangan Risiko

Kami menilai dan mengenal pasti potensi risiko kepada fungsi kritikal perniagaan dan membangunkan serta melaksanakan strategi bagi mengurangkan risiko ini ke tahap yang boleh diterima.

2. Perancangan Daya Tahan

Kami membangunkan dan mengekalkan pelan kesinambungan perniagaan yang menyeluruh untuk semua proses kritikal perniagaan. Pelan ini merangkumi peranan dan tanggungjawab, protokol komunikasi dan prosedur pemulihan yang jelas.

3. Melindungi Pihak Berkepentingan

Kami mengakui akan peri mustahaknya melindungi kepentingan pihak berkepentingan kami semasa krisis dengan melaksanakan langkah-langkah bagi menjamin keselamatan dan kepercayaan mereka serta memberikan sokongan yang perlu.

4. Teknologi dan Infrastruktur Berdaya Tahan

Kami memastikan ketahanan sistem, data dan infrastruktur organisasi kami bagi meminimumkan kesan gangguan, dengan cara melaksanakan mekanisme sandaran dan pemulihan secara berkala.

5. Komunikasi

Kami mewujudkan saluran komunikasi yang berkesan untuk memastikan keselamatan pekerja dan pihak berkepentingan lain yang merangkumi kontraktor, pembekal, vendor, pelanggan dan pelawat semasa krisis.

6. Penambahbaikan Berterusan

Kami mewujudkan mekanisme maklum balas untuk terus menambah baik pelan kesinambungan perniagaan berdasarkan pengalaman daripada kejadian sebenar, ujian dan latihan.

SIRIM berhak mengkaji semula dan menyemak dasar ini bagi memastikan kesesuaian pemakaiannya secara berterusan dan apabila difikirkan perlu.

Atas Arahan,

NIK SAZALI BIN NIK HUSSIN

Pemangku Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
SIRIM Berhad
01 Ogos 2025